

30/09/1998

Media asing perlu pertingkat tanggungjawab: PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, media asing perlu meningkatkan tanggungjawab dalam melaporkan berita tepat mengenai kejadian yang berlaku di sesebuah negara.

Menurut Perdana Menteri, oleh kerana terlalu menekankan aspek kebebasan akhbar, media asing gagal memahami sepenuhnya tanggungjawab sebenar dalam melaporkan berita.

"Kebebasan akhbar seharusnya perlu dilaksanakan dengan tanggungjawab. Mereka harus menggunakan kebebasan untuk memberikan kebenaran iaitu gambaran sebenar bagi kedua-dua belah pihak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog `Komanwel Maya' sempena Pameran dan Persidangan Multimedia Asia '98 dengan lapan anggota panel selama 90 minit, di sini hari ini.

Sesi bertemakan `Pemerintahan Dalam Dunia Berangkai: Ke Arah Masyarakat Madani Sedunia' itu dijalankan melalui forum terbuka yang boleh diikuti di seluruh dunia secara langsung melalui Internet.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa sangsi dengan laporan yang disalurkan oleh media asing mengenai negara lain kerana ia mungkin tidak mencerminkan berita yang objektif.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata ada laporan kira-kira 150,000 orang akan berkumpul di Dataran Merdeka untuk mengadakan demonstrasi.

"Tetapi 150,000 tidak tepat, hanya ada kira-kira 5,000 orang yang bagaimanapun boleh dianggap agak besar bagi negara ini, tetapi maklumat itu adalah tidak tepat," katanya.

"Kerana itu, saya kurang yakin dengan berita yang saya baca atau lihat menerusi televisyen mengenai negara lain. Jika mereka boleh silap mengenai negara kita, mereka boleh membuat kesilapan dengan negara lain," katanya.

Ketika memberikan satu contoh lagi, Dr Mahathir berkata menceritakan pengalaman seorang Ahli Parlimen negara yang berada di Moscow ketika Presiden Russia, Boris Yeltsin mewujudkan kerajaan baru.

Menurutnya, CNN melaporkan kononnya berlaku tunjuk perasaan yang serius di jalan raya Moscow.

"Memang ada demonstrasi, tetapi bukan terhadap Yeltsin. Mereka sedang merayakan 800 tahun penubuhan Moscow, tetapi gambar televisyen menunjukkan 10 orang yang memprotes Yeltsin.

"Dia (Ahli Parlimen) berada di sana dan melihatnya sendiri dan dia tahu ia tidak wujud... laporan seperti itu tidak menolong sesiapa pun," katanya yang menganggap laporan tidak bertanggungjawab semakin berleluasa ketika ini.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun wujud teknologi baru dalam bidang komunikasi, rakyat sebaliknya tidak diberi maklumat yang tepat mengenai apa yang berlaku di negara lain.

"Walaupun perlu ada kebebasan akhbar, anda juga harus ada rasa tanggungjawab. Kebebasan itu harus digunakan untuk mencari kebenaran," katanya.

(END)